



PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD
(Human Resources Development Berhad)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING PENYEDIA LATIHAN BIL. 2/2002
BAYARAN PERTUKARAN NAMA PENYEDIA LATIHAN DI BAWAH PENDAFTARAN
PENYEDIA LATIHAN PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD

1 TUJUAN

- 1.1 Tujuan Pekeliling ini adalah untuk memaklumkan semua Penyedia Latihan yang berdaftar dengan Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) mengenai bayaran yang dikenakan bagi sebarang transaksi pertukaran nama Penyedia Latihan.

2 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sejak pelaksanaan Skim PROLUS, pihak PSMB telah menerima beberapa permohonan dari Penyedia Latihan untuk menukar nama setelah didaftarkan sama ada di bawah Sijil Pendaftaran Kelas A, B atau C.
- 2.2 Terdapat beberapa penyedia latihan yang telah memohon bagi beberapa pertukaran nama dalam selang tempoh masa yang singkat. Perkara ini telah menimbulkan kesulitan kepada pihak PSMB kerana melaksanakan kerja yang kurang produktif.

3. PERLAKSANAAN

- 3.1 Berdasarkan kepada alasan seperti di atas, PSMB melalui mesyuarat Lembaga Pengarah yang bersidang pada 30 April 2002 telah mengambil keputusan untuk mengenakan bayaran pemprosesan sebanyak RM1,000.00 terhadap sebarang permohonan untuk menukar nama Penyedia Latihan.

4. PENUTUP

- 4.1 Pekeliling ini berkuatkuasa pada **6 Mei 2002**.

Sekian, terima kasih.

"PEKERJA TERLATIH MENJANA KECEMERLANGAN NEGARA"
"K-PEKERJA PENERAJU MENGHADAPI CABARAN GLOBALISASI"

Yang ikhlas,

(DATUK YAU DE PIYAU)

Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

s.k Timbalan Ketua Eksekutif
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Pengarah Bahagian Geran Latihan

Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Pengarah Bahagian Pembangunan Sumber Latihan
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Pengarah Bahagian Kewangan
Pembangunan Sumber Manusia Berhad

Penyedia Latihan yang Berdaftar Dengan PSMB

